

MAHATHIR R - PELANCONGAN RRR

1984

KUCHING, 9 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN BERHARAP UNTUK MENJADIKAN NEGARA INI SEBAGAI SATU DESTINASI PELANCONGAN YANG UTAMA KERANA INDUSTRI TERSEBUT BOLEH MEMBERIKAN FAEDAH YANG BANYAK KEPADA RAKYAT DI SINI.

PERDANA MENTERI YAKIN PENDAPATAN NEGARA DAN RAKYATNYA PASTI BERTAMBAH MELALUI INDUSTRI TERSEBUT SEKIRANYA PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT MEMAJUKANNYA DAPAT MENJAMIN KEJAYAANNYA.

BERUCAP MERASMIKAN PROJEK PERANGINAN PANTAI DAMAI DI TELUK BANDUNG, 40 KM DARI SINI, HARI INI, BELIAU BERKATA TUJUAN KERAJAAN MENGGALAKKAN PEMBINAAN PUSAT-PUSAT PELANCONGAN BUKAN KERANA MAHU MENGHIBUR ATAU MELAYAN PELAWAT ASING.

+ APA YANG KITA MAHU IALAH SUPAYA RAKYAT MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG LEBIH MENERUSI BERBAGAI-BAGAI PELUANG YANG TIMBUL DARI INDUSTRI INI, + KATANYA.

DI ANTARA BID - & YANG BOLEH DISERTAI OLEH PENDUDUK-PENDUDUK TEMPATAN IALAH BEKALAN BAHAN MAKANAN SERTA PENJUALAN BARANG-BARANG KRAFTANGAN. -- LAGI

1726MST 09 09 84

D138

U 8929 DEB
MAHATHIR - PELANCONGAN 2 KUCHING

UNTUK MENCAPAI HASRAT TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT PERLU MENDAPAT LATIHAN MENERUSI BADAN-BADAN SEPerti PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI SARAWAK.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA DALAM MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN, UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN TEMPATAN PERLU LAM DIKELALKAN.

+ PELANCONG-PELANCONG ASING YANG DATANG KE SINI MUNGKIN MENDEDAHKAN CORAK HIDUP MEREKA KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK TEMPATAN. TETAPI DENGAN ADANYA UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN SENDIRI, KITA TIDAK AKAN TERCEMAR, + KATANYA.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBIDAS SATU GOLONGAN TERPELAJARDI NEGARA INI YANG MENGKRITIK KERAJAAN KONONNYA TIDAK BERBUAT SESUATU UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DI KALANGAN RAKYAT.

APA YANG MENGHAIRANKAN, KATANYA, GOLONGAN YANG SAMA ITU JUGA AKAN MENEGUR SEIK IPANYA KERAJAAN CUBA MEMBAWA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KEPADA RAKYAT. -- LAGI

1728MST 09 09 84

D146

U 8932 DEB
MAHATHIR - PELANCONGAN 3 KUCHING

+ PENDEK KATA, GOLONGAN INI KELIRU DENGAN KEMAHUAN MEREKA SENDIRI, + KATANYA.

BELIAU BERKATA DALAM MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN, APA YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN IALAH PERUBAHAN DARI SEGI KEADAAN SEKELILING DAN JUGA CORAK HIDUP RAKYAT SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN YANG BERKENAAN HARUS SEDAR BAHAWA JIKA MEREKA INGIN MELIHAT RAKYAT KEKAL DENGAN TARAF HIDUP SEKARANG, KEMAJUAN YANG DIHARAP-HARAPKAN TIDAK AKAN TERCAPAI. MENGENAI RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN DI SARAWAK, BELIAU BERKATA SEJAK MERDEKA, NEGERI INI TELAH MENIKMATI PEMBANGUNAN YANG PESAT.

SEBAGAI CONTOH, BELIAU MENYEBUT BAHAWA KUCHING TELAH MENJADI BANDAR YANG SEMAKIN MAJUDAN SEPATUTNYA KINI MENJADI SEBUAH BANDARAYA. LAGI

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN NEGERI MERANCANG MEMBINA SEBATANG JALAN BAGI MENGHUBUNGKAN KUCHING KE PUSAT PELANCONGAN YANG BARU ITU.

PADA MASA INI, PUSAT TERSEBUT HANYA DAPAT DIKUNJUNGI MELALUI SUNGAI ATAU UDARA.

PUSAT YANG MENDUNGI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEPERTI TEMPAT PENGINAPAN, KOMPLEKS SUKAN DARAT DAN AIR, PUSAT KEBUDAYAAN DAN PASAR MENELAN BELANJA \$115 JUTA.

PROJEK YANG MELIPUTI KAWASAN 1,200 HEKTAR ITU DIUSAHAKAN OLEH SEBUAH SYARIKAT PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI SARAWAK DAN DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA DALAM TAHUN 1988.

TURUT SAMADI UPACARA TERSEBUT IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, DATIN PATINGGI HAJAH LAILA MAHMUD DAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DATUK DR. SULAIMAN HAJI DAUD. --BERNAMA